

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH (UPSR)**

**SENARAI MATA PELAJARAN DITAWARKAN**

MATA PELAJARAN (SK)	MATA PELAJARAN (SJKC)	MATA PELAJARAN (SJKT)
011 Bahasa Melayu Pemahaman	021 Bahasa Melayu Pemahaman	031 Bahasa Melayu Pemahaman
012 Bahasa Melayu Penulisan	022 Bahasa Melayu Penulisan	032 Bahasa Melayu Penulisan
013 Bahasa Inggeris Pemahaman	023 Bahasa Inggeris Pemahaman	033 Bahasa Inggeris Pemahaman
014 Bahasa Inggeris Penulisan	024 Bahasa Inggeris Penulisan	034 Bahasa Inggeris Penulisan
015 Matematik	026 Bahasa Cina Pemahaman	036 Bahasa Tamil Pemahaman
018 Sains	027 Bahasa Cina Penulisan	037 Bahasa Tamil Penulisan
	025 Matematik	035 Matematik
	028 Sains	038 Sains

**PANDUAN MENGISI BORANG PENDAFTARAN PEPERIKSAAN**

Calon hendaklah membaca semua arahan dengan teliti sebelum mengisi Borang Pendaftaran Peperiksaan. Borang hendaklah diisi dengan tulisan tangan calon sendiri menggunakan pena mata bola sahaja.

1. **Tahun** - Tulis tahun calon menduduki peperiksaan UPSR semasa.
2. **Nama Calon** - Tulis nama calon dengan **HURUF BESAR** seperti yang tercatat dalam kad pengenalan. Gunakan satu petak bagi setiap satu abjad.
3. **Nombor Kad Pengenalan** - Tulis **nombor kad pengenalan (My Kid) calon sahaja**. Gunakan satu petak bagi setiap satu angka kad pengenalan (**My Kid**). Tulis dari petak pertama sebelah kiri.  
Jika calon tiada kad pengenalan (My Kid), tuliskan L dalam petak pertama untuk nombor janaan.
4. **Tarikh Lahir** - Tulis tarikh lahir calon seperti yang tercatat dalam kad pengenalan. Gunakan satu petak bagi setiap satu angka tarikh lahir. Tulis angka 0 pada petak sebelah kiri nombor jika nombor bagi hari atau bulan lahir calon satu digit.
5. **Jantina** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:-      1 – Lelaki      2 – Perempuan.
6. **Keturunan** – Tuliskan keturunan calon.
7. **Agama** – Tuliskan agama calon.
8. dan 9. – **tidak perlu diisi oleh calon UPSR.**
10. **Jenis Kecacatan** - Pilih dan tulis kod seperti berikut:-  

A – Masalah Pembelajaran	B – Kurang Upaya Penglihatan (Buta)
C – Kurang Upaya Pelbagai	D – Kurang Upaya Pertuturan
P – Kurang Upaya Pendengaran	R – Kurang Upaya Penglihatan (Rabun)
F – Kurang Upaya Fizikal.	
- No.11 dan No.12, **tidak perlu diisi oleh calon UPSR.**
13. **Warganegara\*** - Tuliskan negara asal calon bagi calon bukan warganegara Malaysia.
14. **Alamat** 15. **Poskod** 16. **Bandar** 17. **Negeri.**  
- Tulis alamat surat menyurat calon dengan lengkap iaitu nombor rumah, jalan, taman/kampung, poskod, bandar dan negeri.
18. dan 19. – **tidak perlu diisi oleh calon UPSR.**
20. **Pendaftaran Mata Pelajaran (Rujuk senarai mata pelajaran di atas dan dibaca bersama-sama dengan draf Jadual Waktu Peperiksaan UPSR tahun peperiksaan).**  
- Isikan kod kertas dan nama kertas mata pelajaran dalam ruangan yang disediakan.
21. **Keterangan Bayaran** – Tulis maklumat bayaran bagi mata pelajaran yang calon sekolah swasta daftar. Tulis juga maklumat tentang **Kiriman Wang** atas nama **Pengarah Peperiksaan** untuk bayaran tersebut.
22. – **tidak perlu diisi oleh calon UPSR.**
23. **Pengakuan Calon** – Calon / ibubapa / penjaga hendaklah membaca pernyataan pengakuan calon.  
Calon / ibubapa / penjaga dinasihat menyemak butiran maklumat diri, maklumat mata pelajaran dan bayaran (untuk sekolah swasta). Setelah itu **turunkan tandatangan ibubapa / penjaga** dan tarikh.